# KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

## SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2009
## PERINGKAT W.P. PUTRAJAYA

Putrajaya – Selaras dengan hasrat Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk memertabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Negara ini, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menyediakan pelbagai aktiviti sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) Peringkat Putrajaya. Antara acara yang sedang dan akan dianjurkan adalah:

i. Ekspo Buku pada 22 – 23 Okt 2009 di Ruang Legar, Dewan Persidangan Kompleks PPj;
ii. Pertandingan Iklan Ceria Bahasa dan Iklan Promosi Produk bagi Pengusaha Premis Perniagaan di Putrajaya pada 1 – 23 Okt 2009;
iii. Sayembara Deklamasi Puisi pada 22 – 23 Okt 2009 di Dewan Seri Melati Kompleks PPj, terbuka kepada semua warga dan bukan warga Putrajaya;
iv. Pertandingan Menulis Esei yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Tertutup (pelajar Sekolah Menengah di Putrajaya) dan Kategori Terbuka (untuk semua warga dan bukan warga Putrajaya). Tarikh tutup penyertaan adalah pada 30 Okt 2009.

Acara lain yang turut dianjurkan adalah Pertandingan Pantun Empat Penjuru Antara Kementerian pada 22 Okt 2009 di Dewan Seri Melati Kompleks PPj, Program Kompetansi Komponen Sastera (KOMSAS) dan Jejak Bahasa pada 23 Okt 2009. Acara kemuncak BBK ini adalah Majlis Pelancaran BBK Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya oleh Menteri

Wilayah Persekutuan, Y.B. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin pada 22 Okt 2009 di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj. Program BBK ini turut mendapat sokongan dan kerjasama dari Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pelajaran Malaysia, GAPENA dan Putrajaya Holdings.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Untuk maklumat lanjut sila hubungi Pn. Salmah Tel: 03-8887 7053 atau E-mel: salmah@ppj.gov.my.

**( ZAHARAH SALAMAT )**
**Timbalan Pengarah Perhubungan Awam**
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 08 Oktober 2009

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA - Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

| Senarai Program | Tarikh | Tempat | Catatan | Pegawai yang boleh dihubungi |
|---|---|---|---|---|
| 1. Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2009, Peringkat W.P. Putrajaya | 22 Okt. 2009 | Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya | • Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2009 Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya akan dirasmikan oleh Y. B. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan. | **Tn. Hj. Azizi bin Ahmad Termizi**<br>Perbadanan Putrajaya<br>• Tel: 03-8887 7107<br>• E-mel: azizi@ppj.gov.my<br>**Pn. Salmah binti Salman**<br>Perbadanan Putrajaya<br>• Tel: 03-8887 7053<br>• E-mel: salmah@ppj.gov.my |
| 2. Ekspo Buku | 22 – 23 Okt. 2009 | Di Ruang Legar, Aras 1, Dewan Persidangan, Kompleks Perbadanan Putrajaya | • Ekspo Buku diadakan sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2009 Peringkat W. P. Putrajaya<br>• Dianggarkan 15 syarikat penerbit utama terlibat dalam Ekspo Buku yang diadakan selama 2 hari.<br>• Ekspo Buku berkenaan akan menawarkan diskaun hebat untuk buku-buku yang berkualiti. | **Tn. Hj. Azizi bin Ahmad Termizi**<br>Perbadanan Putrajaya<br>• Tel: 03-8887 7107<br>• E-mel: azizi@ppj.gov.my<br>**Pn. Salmah binti Salman**<br>Perbadanan Putrajaya<br>• Tel: 03-8887 7053<br>• E-mel: salmah@ppj.gov.my |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| 3. Pertandingan Iklan Ceria Bahasa dan Iklan Promosi Produk bagi Pengusaha Premis Perniagaan di Putrajaya | 1 – 23 Okt. 2009 | Premis Perniagaan di Putrajaya | **Pertandingan Iklan Ceria Bahasa melibatkan peniaga**,<br><br>• Penyertaan terbuka kepada pengusaha premis perniagaan di Putrajaya<br>• Pertandingan iklan sementara jenis kain rentang (10'X3') atau iklan mudah alih berukuran( 2'X5') yang mana bersesuaian mengikut premis perniagaan.<br>• Iklan hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan yang betul dengan penggunaan bahasa yang indah.<br>• Penilaian hanya akan dibuat ke atas paparan bahasa pada iklan.<br>• Tarikh tutup penyertaan : 23 Oktober 2009<br><br>**Pertandingan Iklan Promosi Produk di dalam premis melibatkan peniaga**<br><br>• Penyertaan terbuka kepada pengusaha premis perniagaan di Putrajaya<br>• Pertandingan iklan sementara jenis kain rentang (10'X3') atau iklan mudah alih berukuran( 2'X5') yang mana bersesuaian mengikut premis perniagaan.<br>• Iklan hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan yang betul dengan penggunaan bahasa yang indah. | **Y.M. Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah**<br>Perbadanan Putrajaya<br>• Tel: 03-8887 7057<br>• E-mel: aina@ppj.gov.my<br><br>**En. Ariff bin Yunus**<br>Perbadanan Putrajaya<br>• Tel: 03-8887 7580<br>• E-mel: ariff@ppj.gov.my |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Penilaian hanya akan dibuat ke atas paparan bahasa pada iklan.<br>• Tarikh tutup penyertaan : 23 Oktober 2009<br><br>**Pertandingan untuk Orang Awam**<br>• Placemat atau alas dulang akan diedarkan kepada pengunjung di premis menjual makanan.<br>• Kandungan placemat akan memaparkan penggunaan bahasa yang betul dan juga permainan bahasa seperti teka-teki atau teka silang kata.<br>• Memberi peluang kepada pelanggan untuk menyertai peraduan bahasa yang disediakan.<br>• Tarikh tutup penyertaan : 23 Oktober 2009. | |
| 4. Sayembara Deklamasi Puisi | 22 - 23 Okt. 2009 | Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya | • Pertandingan ini anjuran Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama GAPENA.<br><br>• Penyertaan terbuka kepada warga negara Malaysia berumur 15 tahun ke atas.<br>• Peringkat Saringan: pada :22 Oktober 2009 (Khamis), Tempat : Panggung Eksperimen, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Masa : 9.00 pagi hingga 5.00 petang.<br>• Peringkat Akhir pada :23 Oktober 2009 (Jumaat), Tempat : Dewan Seri Melati, Masa : 3.30 petang hingga 5.30 petang. | **Pn. Zaharah binti Salamat**<br>Perbadanan Putrajaya<br>• Tel: 03-8887 7172<br>• E-mel: zaharah@ppj.gov.my<br>**En. Azmi bin Alang Ahmad**<br>Perbadanan Putrajaya<br>• Tel: 03-8887 7076<br>• E-mel: azmi@ppj.gov.my |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5. Pertandingan Menulis Esei | 12 – 30 Okt. 2009 | Sekitar Putrajaya | • Penyertaan terbuka kepada rakyat Malaysia berumur 15 tahun ke atas.<br>• Penyertaan adalah percuma. Setiap penyertaan mestilah menggunakan Borang Penyertaan rasmi yang boleh dimuat turun dari laman sesawang Perbadanan Putrajaya www.ppj.gov.my atau datang sendiri ke Bahagian Perhubungan Awam, Perbadanan Putrajaya.<br>• Esei yang ditulis hendaklah dalam lingkungan 2,000 – 2,500 patah perkataan bagi kategori Terbuka dan 1200 – 1500 patah perkataan bagi kategori Sekolah Menengah;<br>• Tarikh tutup penyertaan : 30 Oktober 2009. | **Pn. Zaharah binti Salamat**<br>Perbadanan Putrajaya<br>• Tel: 03-8887 7172<br>• E-mel: zaharah@ppj.gov.my<br>**En. Azmi bin Alang Ahmad**<br>Perbadanan Putrajaya<br>• Tel: 03-8887 7076<br>• E-mel: azmi@ppj.gov.my |
| 6. Pertandingan Pantun Empat Penjuru Antara Kementerian | 22 Okt. 2009 | Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya | • Pertandingan ini adalah anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Perbadanan Putrajaya.<br>• Pertandingan bermula pada pukul 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari.<br>• Pertandingan Pantun Empat Penjuru melibatkan empat (4) Kementerian iaitu Kementerian Pelajaran, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Penerangan, Kesenian dan Komunikasi serta Jabatan Perdana Menteri . | **Pn. Rogayah binti A. Hamid**<br>Dewan Bahasa dan Pustaka<br>• Tel: 03-21481011<br>• E-mel: rogayah@dbp.gov.my<br>**Pn. Faridah binti A. Rahman**<br>Dewan Bahasa dan Pustaka<br>• Tel: 03-21481011<br>• E-mel: faridah@dbp.gov.my |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 7. Program Kompetansi Komponen Sastera (KOMSAS) | 23 Okt. 2009 | Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya | • Penyertaan program ini membabitkan peserta seramai 60 orang yang terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu di peringkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Putrajaya anjuran Pejabat Pelajaran W. P. Putrajaya.<br>• Hasil daripada program ini guru-guru akan lebih kreatif dan inovatif dalam penyampaian ilmu kepada murid-murid semoga proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan menarik. | **En. Zaharuddin bin Mohd.**<br>Pejabat Pelajaran W. P. Putrajaya<br>• Tel: 03-8888 1110<br>• E-mel: zzaharr@yahoo.com |
| 8. Lawatan Ke Pameran Buku Dan Persembahan Pelajar | 23 Okt. 2009 | Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya | • Pelajar-pelajar daripada sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di sekitar Putrajaya dijemput ke Ekspo Buku dengan selingan persembahan pelajar. | **En. Zaharuddin bin Mohd.**<br>Pejabat Pelajaran W. P. Putrajaya<br>• Tel: 03-8888 1110<br>• E-mel: zzaharr@yahoo.com |
| 9. Jejak Bahasa | 23 Okt. 2009 | Sekitar Kompleks Perbadanan Putrajaya | • Program ini merupakan ala-pencarian harta karun (*treasure hunt*) yang melibatkan pelajar-pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.<br>• Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tatabahasa. | **En. Zaharuddin bin Mohd.**<br>Jabatan Pelajaran Putrajaya<br>• Tel: 03-8888 8922<br>• E-mel: zaharr@gmail.com |